

Potensi besar jayakan NIMP 2030

Inisiatif pelan perindustrian baharu bakal beri kesan positif semua sektor

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Malaysia mempunyai peluang yang mantap untuk melaksanakan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP) dengan jayanya memandangkan lokasi negara yang strategik di tengah-tengah laluan perdagangan Timur dan Barat yang sibuk, demikian kata penganalisis.

Ia juga akan disokong oleh kumpulan bakat di negara ini yang fasih berbahasa Inggeris, struktur tadbir urus yang mantap, sumber asli yang banyak, ekosistem industri sedia ada dan infrastruktur berkualiti.

Penganalisis AmInvestment Bank Bhd, Alex Goh, berkata



pihaknya positif bagi tempoh jangka panjang terhadap pelan perindustrian itu untuk menyokong transformasi struktur Malaysia dengan negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Vietnam dan Filipina yang berlumba-lumba dalam kemajuan pelaburan asing.

Beliau berkata, bersama-sama dengan kerangka Ekonomi MADANI yang dilancarkan baru-baru ini, inisiatif NIMP itu akan memberi kesan positif kepada semua sektor di negara ini.

Katanya, NIMP menyasarkan untuk meningkatkan nilai tambah pembuatan sebanyak 6.5 peratus setiap tahun kepada RM587.5 bilion menjelang 2030 atau peningkatan 61 peratus dari 2022, yang akan merangkumi sektor berimpak tinggi dalam elektrik dan elektronik (E&E), kimia, kenderaan elektrik, aero-

angkasa, farmaseutikal dan bahan mentah bernilai tinggi seperti mineral dan logam.

Perluas gaji median

Jelasnya, ia akan memacuunjuran pertumbuhan guna tenaga pada 2.3 peratus setiap tahun, menyediakan mata pencarian untuk 3.3 juta orang menjelang 2030 dengan penciptaan pekerjaan berkemahiran tinggi apabila negara maju ke arah aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi dan peningkatan dalam automasi dan kemajuan teknologi.

"Ini juga akan memperluaskan gaji median dalam sektor pembuatan sebanyak 9.6 peratus setiap tahun kepada lebih sekali ganda kepada RM4,510 sebulan menjelang 2030 berbanding RM1,976 sebulan pada 2022.

"Ia ketika ini di bawah purata nasional walaupun sektor berkenaan memainkan peranan yang dominan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)," katanya dalam nota penyelidikan.

Pada minggu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar

Ibrahim mengumumkan NIMP memerlukan anggaran jumlah pelaburan RM95 bilion dalam tempoh tujuh tahun bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Pelaburan berkenaan terutama daripada sektor swasta, yang digerakkan daripada ekuiti, modal dan pasaran kewangan.

Goh berkata, pihaknya percaya pusat sehati titik tunggal mungkin ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan yang cepat, cekap dan telus kepada pelabur bagi memendekkan dan memudahkan prosedur dan garis panduan pentadbiran untuk menghapuskan kesesakan yang dihadapi oleh pelabur tempatan dan asing dalam menubuhkan dan menjalankan perniagaan di Malaysia.

Beliau berkata, pengenalan sistem gaji progresif juga boleh meningkatkan kos pengeluaran korporat atau perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melainkan disertai dengan peningkatan produktiviti dan garis panduan kerajaan yang jelas untuk menanganai kebimbangan pelabur.

NIMP menyasarkan untuk meningkatkan nilai tambah pembuatan sebanyak 6.5 peratus setiap tahun kepada RM587.5 bilion menjelang 2030 atau peningkatan 61 peratus dari 2022



Alex Goh,
Penganalisis AmInvestment Bank Bhd

